

3

UNIT

JOHAN KATEGORI SERANGAN

Pada waktu petang, Chin Foo dan Aisyah bermain pelbagai permainan kategori serangan.



UNIT 3



PENDIDIKAN JASMANI
CIKGU FAIRODEE

Johan Kategori Serangan

Pada minggu ini kita akan
ulangkaji tajuk :

Jauh dan Dekat

Jawab soalan berdasarkan nota
yang telah disediakan.

LIVEWORKSHEETS

RAJA KELECEK RAJA MENGADANG

Shafik digelar Raja Kelecek kerana dia mahir mengelecek untuk mengawal bola dan melepasi pihak lawan. Asrul pula digelar Raja Mengadang kerana dia mahir mengadang pemain lawan daripada meneruskan serangan.



Kemahiran **mengelecek** ialah mengatasi pemain lawan dalam kawasan yang kecil.

Kemahiran **mengadang** ialah menghalang pemain lawan daripada menghantar bola atau menjaringkan gol.

PANTAS PINTAS CEPAT TAKEL

Aisyah dan rakan-rakan sedang belajar kemahiran memintas dan takel. Kedua-dua kemahiran ini bertujuan untuk merampas bola daripada pihak lawan dan menghalang mereka menjaringkan gol.



Kemahiran **memintas** ialah mendapatkan bola yang di hantar oleh pemain lawan.

Kemahiran **takel** ialah merebut bola daripada kawalan pasukan lawan.

JARINGAN TEPAT

Shahril berjaya menjaringkan gol ketika perlawanan akhir dalam permainan kategori serangan. Kemahiran menjaring ialah kebolehan mengatasi pemain pertahanan serta penjaga gol lawan dengan memasukkan bola ke dalam gawang lawan.

Ini peluang terbaik untuk saya menjaringkan gol. Saya tidak boleh menghampakan pasukan saya.

Shahril, cari ruang untuk menjaringkan gol. Kamu boleh!

Saya mesti cuba menahan bola ini daripada memasuki gawang.

Saya perlu berada di ruang kosong supaya mudah menjaringkan gol.

Apakah yang perlu dilakukan oleh pemain pertahanan supaya pemain lawan tidak menjaringkan gol? Huraikan pendapat kamu.



PENDIDIKAN JASMANI
CIKGU FAIRODEE

Kemahiran menjaring ialah memasukkan bola ke gawang lawan .

Taip jawapan berdasarkan gambar yang di beri.



PENDIDIKAN JASMANI
CIKGU FAIRODEE

- (a) _____ - merebut bola daripada kawalan pasukan lawan.
- (b) _____ - mendapatkan bola yang dihantar oleh pemain lawan.
- (c) _____ - menghalang pemain lawan daripada menghantar bola atau menjaringkan gol.
- (d) _____ - mengatasi pemain lawan dalam kawasan yang kecil.
- (e) _____ - memasukkan bola ke gawang lawan.



Memintas

Mengelecek



Menjaring



Takel



Mengadang